

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	Penerapan kesedaran dan pengetahuan mengenai amalan kelestarian bagi menyokong kecekapan sumber dan pembangunan ekonomi jangka panjang
TEMPOH	:	Feb – Mei 2021
ANGGARAN KOS	:	RM4,000.00 / RMK12 Behavioral Insights (2021)
OBJEKTIF	:	• Meningkatkan kesedaran dikalangan pihak industri dan orang awam mengenai amalan kelestarian yang menyokong kecekapan sumber dan pembangunan ekonomi jangka panjang. • Mempromosikan peranan MPC di dalam memacu amalan kelestarian dan sebagai rujukan berkaitan kecekapan produktiviti sumber. • Untuk makluman kepada pihak pemegang taruh dan pihak industri mengenai peranan MPC di dalam bidang kelestarian produktiviti sumber dan menyokong inisiatif penggunaan dan pengeluaran yang mampan.
JANGKAAN OUTPUT	:	• Rakaman Program webinar • Database peserta
BAHAGIAN	:	PCD/ Unit Kelestarian
KOMEN/ TANDA TANGAN KETUA AKAUNTAN		
KOMEN/ TANDA TANGAN PENGURUS UNIT PEROLEHAN		

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN

TAJUK : Penerapan kesedaran dan pengetahuan mengenai amalan kelestarian bagi menyokong kecekapan sumber dan pembangunan ekonomi jangka panjang

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memohon kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi penerapan kesedaran dan pengetahuan pihak industri dan awam mengenai amalan kelestarian bagi menyokong kecekapan sumber dan pembangunan ekonomi jangka panjang sejajar dengan Teras Dasar 1 (RMKe-12) iaitu Menjana Semula Ekonomi iaitu A1: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti melalui Strategi A6: Meningkatkan amalan hijau ke arah kecekapan sumber.

2.0 LATARBELAKANG PROGRAM

- 2.1 Selaras dengan keutamaan bagi melonjakkan pertumbuhan produktiviti, strategi meningkatkan amalan berkaitan kecekapan sumber telah dikenalpasti di dalam RMK-12.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, inisiatif bagi menggalakan perniagaan dan industri bagi menerimapakai dan melaksanakan amalan hijau melalui platform dialog dan perkongsian telah dikenalpasti.
- 2.3 Penekanan kelestarian menerusi kesedaran kepada industri boleh mengurangkan impak terhadap alam sekitar, mengoptimalkan penggunaan sumber bahan dan penggunaan tenaga, menambahbaikkan pengurusan sisa dan sistem pencegahan pencemaran dan meningkatkan kebolehpasaran produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri. Seterusnya, akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara.

3.0 OBJEKTIF

- i. Meningkatkan kesedaran dikalangan pihak industri dan orang awam mengenai amalan kelestarian yang menyokong kecekapan sumber dan pembangunan ekonomi jangka panjang.

- ii. Mempromosikan peranan MPC di dalam memancu amalan kelestarian dan sebagai rujukan berkaitan kecekapan produktiviti sumber.
- iii. Untuk makluman kepada pihak pemegang taruh dan pihak industri mengenai peranan MPC di dalam bidang kelestarian produktiviti sumber dan menyokong inisiatif penggunaan dan pengeluaran yang mampan.

4.0 ANGGARAN KOS

Jumlah anggaran peruntukan yang di yang diperlukan adalah RM4,000.00. Butiran perbelanjaan adalah seperti jadual dibawah.

Bil	Perkara/Aktiviti	Harga Per Kuantiti	Jumlah
1.	<u>Webinar</u> Penceramah • Yuran penceramah • Penyediaan Slide	RM400 X 4 orang	RM1,600.00
2.	Pengurus Program • Moderator	RM 250 x 4 orang	RM1,000.00
3.	Promosi - Poster digital	RM350 X 4 Poster	RM1,400.00
Jumlah			RM4,000.00

5.0 OUTPUT

Jangkaan output adalah:

- i. Video rakaman program webinar
- ii. Database peserta

6.0 OUTCOME

Jangkaan outcome adalah:

- i. Peningkatan kesedaran dalam kalangan pihak industri dan orang awam berkenaan amalan kelestarian; dan
- ii. Peningkatan kesedaran pemegang taruh terhadap peranan MPC di dalam bidang kelestarian melalui produktiviti sumber ke arah penggunaan dan pengeluaran yang mampan.

7.0 SYOR

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk mempertimbangkan serta meluluskan cadangan bagi pelaksanaan program penerapan kesedaran serta pengetahuan berkaitan kelestarian ekonomi dengan amalan kelestarian yang menyokong kecekapan sumber dan pembangunan ekonomi jangka panjang dengan kos sebanyak RM4,000 menggunakan peruntukan pembangunan RMK-12 Behavioral Insights (2021).

Disediakan oleh:



Nor Akma Che Wan Naman
Penolong Pengurus
12/01/2020

Disemak oleh:




Rozitah Ma'al
Pengurus Kanan
12/01/2021

Disokong oleh:



Nor Fazila Hashim
Pengarah
13/01/2021

Kelulusan menggunakan peruntukan RMK12 Behavioral Insights (2021):



Wan Fazlin Nadia Wan Osman
Pengarah
NC/PCD